

KURIKULUM KURSUS KEPENDUDUKAN DAN ALAM SEKITAR BAGI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL GRED 41 – 54

1. SINOPSIS KURSUS

Kursus ini bertujuan untuk membincangkan mengenai kepentingan faktor alam sekitar dalam mempengaruhi isu berkaitan kependudukan dan pembangunan negara. Peserta juga akan didedahkan mengenai usaha pengurusan alam sekitar di Malaysia serta peranan dan tanggungjawab pelbagai pihak dalam menangani isu alam sekitar dan impaknya kepada isu kependudukan.

2. OBJEKTIF KURSUS

- i. Peserta mendapat kesedaran mengenai impak faktor alam sekitar dalam mempengaruhi isu berkaitan kependudukan;
- ii. Peserta mengetahui tentang usaha pengurusan alam sekitar di Malaysia serta peranan dan tanggungjawab pelbagai pihak dalam menangani isu alam sekitar; dan
- iii. Peserta mengetahui tentang hubungkait di antara isu kependudukan dan alam sekitar dan kepentingannya dalam perancangan pembangunan negara.

3. TEMPOH/MASA

- i. Tempoh : 3 hari
- ii. Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang

4. KUMPULAN SASARAN

Pegawai Gred 41 – 54

5. METODOLOGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

- i. Kuliah
- ii. Latih amal
- iii. Perbincangan kumpulan
- iv. Pembentangan kajian kes